

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

TEKNIK PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DALAM BANDAR SEREMBAN

TECHNIQUE IN THE TEACHING OF MORAL EDUCATION IN PRIMARY SCHOOLS (SJKT) IN SEREMBAN

Bawani Chandrasakeram

¹SK Taman Rasah Jaya, Taman Rasah Jaya, 70300, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia. Email: subaw85@yahoo.com

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/214>

Abstract

Moral Education is an effort to educate students to become moral and virtuous human beings by emphasizing the developmental aspects of moral reasoning, moral feelings and moral behavior. In this regard, the teaching process of Moral Education teachers plays an important role in producing students with noble morals. This study aims to examine the teaching of Moral Education teachers in Tamil National Type Schools in Seremban district. The design of this study was an action research. The sample of this study consists of 76 teachers from 20 Tamil National Type Schools in Seremban District, Negeri Sembilan. The data of this study were obtained by using a questionnaire instrument constructed by the researchers themselves. To identify the teaching methods of Moral Education teachers, descriptive analysis was used to obtain the frequency, percentage and mean. The findings of the study show that most teachers still use traditional methods and focus more on examinations only.

Keywords: Moral Education, Reasoning, Perception, Behavior, Teaching.

Abstrak

Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Sehubungan dengan ini proses pengajaran guru Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting dalam melahirkan murid yang berakhlak mulia. Jadi kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengajaran guru Pendidikan Moral di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam daerah Seremban. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan. Sampel

kajian ini terdiri daripada 76 guru daripada 20 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Data kajian ini telah diperolehi dengan menggunakan instrumen soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Bagi mengenal pasti cara pengajaran guru Pendidikan Moral analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru masih menggunakan kaedah tradisonal dan lebih memberi tumpuan kepada peperiksaan sahaja.

Kata kunci: Pendidikan Moral, Penaakulan, Perasaan, Perlakuan, Pengajaran.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10th June 2022, revised 29th June 2022, accepted 17th July 2022

Pengenalan

Program Pendidikan Moral merupakan satu program yang diperkenalkan pada tahun 1983 sebagai subjek teras dalam pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Subjek ini diajar kepada murid bukan beragama Islam seperti murid Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazandusun (Chang, 1998 & Vishalache, 2011)^{1,2}. Program ini diperkenalkan untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan murid. Mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan satu usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Sehubungan dengan ini proses pengajaran guru Pendidikan Moral memainkan peranan yang penting dalam melahirkan murid yang berakhlak mulia. Perancangan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Moral harus meningkatkan minat murid dalam mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan seharian.

Penyataan Masalah

Kajian Barone (2004)³ menunjukkan bahawa murid tidak begitu berminat dalam kelas Pendidikan Moral di kebanyakan sekolah di Malaysia. Dapatan kajian Barone menunjukkan murid menyatakan kelas Pendidikan Moral mereka amat membosankan. Pada masa yang sama, perkara ini juga dapat membantu perjalanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih efektif. Murid berasa bosan kerana mereka terpaksa belajar perkara yang sama sejak dari sekolah rendah (Vishalache, 2011)². Guru juga memberitahu pelajar bahawa jika tidak menghafal nilai, mereka akan gagal dalam peperiksaan (See Tho, 2008)⁴. Selaku pendidik, guru harus menggunakan pelbagai teknik pengajaran mereka agar murid dapat menunjukkan minat terhadap pengajarannya. Pengaplikasian teknik pengajaran yang sesuai serta cara yang digunakan oleh seseorang guru membantu murid dalam situasi yang menarik dan bermakna. Antara teknik pengajaran yang biasanya diaplikasikan dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Moral di negara-negara Asia

ialah teknik berbentuk penceritaan, kuliah serta teknik perbincangan (Chang, 1985)⁵. Walau bagaimanapun, teknik-teknik lain misalnya teknik main peranan, simulasi, drama, inkuiri, penyelesaian masalah, analisis situasi, perbincangan dilema moral, projek dan lawatan turut digunakan secara meluas (Nadarajan, 2014)⁶. Tetapi, di negara ini kebanyakan guru masih terikat dengan penggunaan buku teks sahaja dalam bilik darjah. . Pengajaran guru masih sehalu dan bersifat memindahkan fakta moral daripada buku teks ke dalam minda murid secara langsung (Abd. Shatar Che Abdul Rahman, 2009)⁷. Disebabkan kekurangan Bahan Bantu Mengajar guru perlu kreatif dalam mempelbagaikan latihan, aktiviti dan malah harus mengolah semula kandungan pengajaran dalam sesuatu unit pengajaran agar ia sesuai dengan keupayaan dan kebolehan murid (Nadarajan & Aminah & Sukadari, 2021)⁸. Kesediaan guru untuk menerima sesuatu perubahan perlu diberi perhatian kerana kesediaan guru menjadi penggerak kepada pelaksanaan perubahan tersebut secara berkesan. Sesuatu perubahan yang berkesan dalam sistem pendidikan berperanan penting dalam mencapai sesuatu tujuan. Elemen penting dalam menentukan kesediaan seseorang guru menerima dan melaksanakan sesuatu perubahan adalah bergantung kepada pengetahuan dan sikap seseorang guru (Habib, 2005)⁹. Hal ini demikian kerana sikap guru mempengaruhi proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti teknik pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Moral semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Kajian-kajian lepas

Menurut Vishalache (2005, 2011, 2013)^{10,11,12}, berbagai-bagai metodologi dan teknik pengajaran wajar diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Moral. Namun, setelah dikaji semula didapati bahawa kaedah tradisional masih diamalkan oleh guru-guru dalam proses pengajaran. Dalam kaedah ini murid bergantung pada guru sepenuhnya dan tidak berpeluang memberi pandangan mereka. Perbincangan dalam kalangan murid juga tidak dijalankan. Sebaliknya, mereka hanya menyalin nota yang diberi dan membuat tugas yang diberi oleh guru sahaja. Di samping itu juga, guru masih gagal menggunakan buku teks sebagai bahan bantu pengajaran secara lebih berkesan untuk menerapkan elemen dimensi moral (Nadarajan Thambu & Vishalache Balakrishnan, 2014)¹². Ini mengakibatkan menurut murid beranggapan bahawa Pendidikan Moral merugikan masa dan tidak penting.

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan seramai 95 guru dari 20 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Seremban. Daripada populasi itu, sebanyak 76

orang guru dipilih sebagai sampel kajian mengikut angka yang dicadangkan oleh jadual Krejcie dan Morgan (1970) sebagai sampel kajian. Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang telah dibina sendiri oleh pengkaji. Soal selidik ini seterusnya telah mendapat pengesahan tiga orang pakar sebelum digunakan dalam kajian. “Cronbach Alpha Reliability Coefficient” digunakan dalam kajian rintis untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan terhadap pencapaian skor bagi item dalam soal selidik. Keputusan kajian rintis bagi soal selidik ialah 71.

Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan guru Pendidikan Moral masih menggunakan kaedah tradisional semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Kebanyakan guru masih menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar. Di samping itu, item murid diminta menyalin nota daripada buku teks menunjukkan nilai skor yang tinggi. Item guru yang menggunakan teknik pengajaran Pendidikan Moral yang kreatif menunjukkan nilai skor min yang paling rendah. Walaupun ada guru yang mengedalikan teknik pengajaran yang kreatif seperti penggunaan i-think, aktiviti simulasi, teknik penceritaan dan aktiviti kumpulan tetapi bilangan guru yang mengamalkannya masih berada pada tahap yang rendah.

Perbincangan

Kejayaan seseorang guru akan terbukti melalui kesediaan seseorang guru dalam memajukan diri serta profesionnya melalui pelbagai aktiviti. Oleh sebab itu, guru disarankan agar sentiasa bersedia untuk mencuba pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran dalam menghadapi perubahan dari segi kurikulum. Justeru, haruslah membuat perancangan pengajaran yang sesuai sebagai strategi penggunaan teknik pengajaran yang kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, pihak sekolah juga wajar memainkan peranan dalam menyediakan peluang kepada guru untuk menggunakan teknik pengajaran yang kreatif dalam kalangan murid. Selain pihak sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia harus menganjurkan bengkel atau seminar mengenai teknik pengajaran Pendidikan Moral lebih komperhensif untuk guru-guru supaya guru dapat meningkatkan pengetahuan mereka mengenai teknik yang kreatif yang boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Kesimpulan

Sebagai seorang guru, mereka perlulah bersedia menggunakan teknik pengajaran yang kreatif dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana teknik pengajaran yang kreatif penting dalam pembentukan murid yang berinsan moral. Ini bermakna pengajaran guru mempunyai hubungan secara langsung dengan pencapaian dan kejayaan seseorang murid. Justeru, guru perlulah memberi tumpuan terhadap amalan pengajaran di dalam bilik darjah. Konklusinya, kajian ini diharapkan

agar dapat menjadi panduan dan bahan rujukan kepada pihak-pihak tertentu khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menganjurkan seminar atau bengkel yang bersesuaian kepada guru-guru bagi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai teknik pengajaran.

References:

1. Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study of choices of action, values and orientations of 16-year-old students*. Tesis Doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Macquarie.
2. Vishalache. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
3. Barone, T. (2004). *Moral dimension of teacher-student interactions in Malaysian secondary schools*. *Journal of Moral Education*, 33(2), 179-196
4. See Tho, L. Y. (2008). *Reflections on changing the mindset of a Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
5. Chang, L. H. (1985). *Teaching Standard III pupils, a Moral Education unit using social content*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
6. Nadarajan A/L Thambu. (2014). *Penggunaan Teater Forum Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
7. Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman. (2009). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
8. Nadarajan Thambu, Aminah Abd. Rapor, & Sukadari. (2021). *Teater Perbincangan Dilema Moral: Pendekatan Transformative Dalam Melaksanakan Kandungan Kurikulum Buku Teks Pendidikan Moral*. *MJSSH Online: Volume 5-Issue 3 (July, 2021)*, 1-17.
9. Habib Mat Som. (2005). *Profil Kesiediaan Guru Sekolah Menengah Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum*. Tesis Doktor Falsafah, UM.
10. Vishalache Balakrishnan. (2005). *Implikasi penggunaan dilema kehidupan sebenar dalam Pendidikan Moral di sekolah menengah di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Asia-Pacific Moral, Civic and Citizenship Education 2005, pada 21-22 September, Hotel Concorde, Kuala Lumpur.
11. Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press
12. Vishalache Balakrishnan. (2012). *Vygotsky from ZPD TO ZCD in moral education: Reshaping Western theory and practices in local context*. *Journal of Moral Education*, 41(2), 225-243.